

THE TITAN

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

16 FEBRUARI 2024 | BIL: 62
www.richworks.com

richworks.com/thetitan

Industry View

6 sebab staf lari
tinggalkan anda!

ANIS LAILA

MENITI JALAN MENUJU KEJAYAAN



SANGGUP BERSUSAH PAYAH AGAR STAF TIDAK MERANA

Dalam dunia bisnes, semestinya hanya yang benar-benar komited dan kental saja yang dapat bertahan hingga ke akhirnya.

Bagi pengasas Ideas Master Home, Anis Laila Adam (Laila) yang merupakan pakar dalam pembuatan kabinet, tekanan yang dialami selepas membina keluarga membuatnya benar-benar tekad untuk menjadi seorang usahawan setelah bekerja selama lapan tahun sebelum ini.

“Perniagaan yang ditubuhkan ini berlandaskan minat dan bukanlah kerana duit semata. Kita kalau ada keinginan, kita akan pasti bersungguh-sungguh melakukannya.

“Kebanyakan daripada kita dikurniakan sepasang kaki dan tangan. Semua orang sama. Jadi, semua orang boleh buat.

“Oleh itu, saya tak mahu lakukannya sekadar biasa-biasa. Saya nak buat lain daripada yang orang lain telah buat. Sebagai contoh, saya pasti mahukan kelainan dalam kabinet yang dihasilkan dan bukan sekadar asal ada saja,” jelasnya.

Mempunyai impian untuk melihat perniagaannya berkembang dengan lebih jauh, Laila mengambil keputusan menyertai program anjuran RichWorks iaitu Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) sebelum menyertai program pementoran Spire pada tahun 2019.

“Saya sertai yang percuma dan murah dahulu sebelum ke Spire. Tiba-tiba, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pula menjelma. Jadi, saya terpaksa hentikan bisnes dan juga berhenti mengikuti program Spire selepas enam bulan.

“Tapi, itu sama sekali tidak mematahkan semangat saya untuk terus belajar. Daripada menonton Netflix, ada baiknya saya belajar sebab waktu itu RichWorks adakan sesi *live* pada setiap hari.

“Selepas itu, timbul idea yang mana saya boleh jual benda lain di saat syarikat sedang tutup. Saya pun memilih untuk menjual produk ahli Titanium pada waktu itu iaitu kambing perap.

“Alhamdulillah, sambutan memang sangat menggalakkan hingga 800 bekas terjual. Saya siap boleh beli motor bagi memudahkan penghantaran yang dilakukan oleh suami pada ketika itu,” katanya.

DUGAAN BUKAN PENGHALANG

Tambahnya lagi, semua ini dilakukan demi rasa kasih dan tanggungjawabnya terhadap para pekerja yang dihargai. Oleh itu, beliau sedaya upaya cuba mencari jalan terbaik bagi kelangsungan hidup mereka.

“Waktu itu ada lebih kurang 10 orang pekerja dan kita tidak boleh biarkan mereka begitu saja.

Walaupun tak mampu nak bayar gaji, tapi kita nak pastikan perut mereka kenyang sebab itu di bawah tanggungjawab kita dan bukannya fikir sekadar mahu buang dan ambil pekerja baharu.

“Itulah antara sebab mereka terus bertahan dengan saya sampai sekarang. Bayangkan, sewaktu PKP itu tiga bulan syarikat tidak boleh beroperasi. Tapi, kita jangan fikir tentang *stuck* kerana waktu inilah sepatutnya kita bersatu hati terutama lagi buat pasangan suami isteri.

“Ingatkan PKP sudah tamat tapi rupa-rupanya berlarutan hingga ke tahun 2021. Jadi, suami saya pun menjadi *rider* untuk Mr.Speedy. Alhamdulillah, yang penting saya dapat beli juga beras untuk staf,” tuturnya.

BANGKIT DENGAN ILMU

Setelah menempuh waktu yang sukar, perlahan-lahan perniagaannya mula meningkat naik kembali. Percaya kepada rezeki yang diatur Tuhan, beliau teruskan usahanya untuk mengembangkan bisnes kerana merasakan

strategi pemasaran bisnes yang dijalankan masih belum diterokai sepenuhnya.

“Sebab itu saya gigih dan bertekad untuk menjadi ahli Titanium (Titan) pada September 2023. Walau bagaimana sekalipun keadaannya, rezeki itu tetap Allah yang kurniakan. Jadi, kita kena percaya yang semua gaji staf itu adalah daripada Yang Maha Kaya. Kita hanya perlu berusaha saja.

“Oleh itu, sebagai ketua kita tidak boleh berputus asa. Kita perlu ingat yang kita ada ramai lagi anak buah di bawah. Jadi, perkara itulah yang menjadi sumber kekuatan saya,” kongsinya.

Biarpun pernah meraih jualan mencecah tujuh angka sebelum PKP, Laila bagaimanapun percaya yang dirinya perlukan lebih ilmu untuk membawa syarikatnya ke peringkat yang lebih tinggi dan kerana itulah beliau tidak jemu untuk terus belajar hingga ke hari ini.

“Dulu saya fikir kenapa perlu masuk TikTok?”





Bukannya boleh jual kabinet pun dekat situ. Tapi RichWorks kata kita perlu contohi jenama antarabangsa seperti Gucci dan sebagainya. Mereka bukanlah menjual di sana tapi menggunakan platform tersebut sebagai kesedaran jenama buat pelanggan sasaran.

“Jadi, bila kita sudah menerima pelbagai ilmu dan melihat kesungguhan Datuk Wira Dr. Azizan Osman dalam mendidik, kita tidak akan pernah menyesal berada dalam Titan bahkan rasa menyesal sebab tak masuk dari awal.

“April tahun lalu memang saya sudah habis duit kerana jualan jatuh menjunam hingga saya murung dan menangis di bawah meja. Tapi, saya selalu cakap pada diri sendiri yang saya tak boleh terus jatuh kerana kini saya ada 15 orang pekerja untuk dijaga. Saya percaya yang Allah pasti bantu, kita kena yakin dengan-Nya,” jelasnya.

PELABURAN YANG BERBALOI

Menerima pelbagai impak positif setelah bergelar ahli Titan, beliau bersyukur apabila hari ini jualan syarikatnya terus melonjak naik dan berpeluang berada dalam *circle* bersama ratusan usahawan jutawan hebat lain yang sememangnya tidak lokek untuk berkongsi ilmu dengan dirinya.



“Saya memang rasa sangat kagum dengan hasil yang diterima dan terfikir kenapalah tak masuk lebih awal. Dulu takut nak bayar yuran. Tapi, rupa-rupanya kita dapat jauh lebih banyak daripada apa yang dilaburkan.

“Ilmu yang diterima juga mencurah-curah sampai rasa nak melimpah dah. Ini baru sedikit yang diaplikasikan tapi hasil jualan yang diterima memang membuatkan saya terkejut.

“Saya benar-benar tak sangka hinggakan Dr. Azizan tersenyum bila saya kata begitu sebab saya tak percaya yang saya mampu lakukannya.

“Selain itu, saya juga bukanlah seorang yang penakut seperti dahulu lagi. Seperti di Inner Circle Meeting (ICM) yang lalu, saya kerap beranikan diri untuk angkat tangan dan bercakap. Dahulunya saya introvert dan tidak pandai bercakap,” kongsiya tentang transisi yang berlaku dalam hidupnya.

Bercerita tentang perancangan masa hadapan, beliau berharap agar dapat membesarkan kilang selain menambah bilangan lori syarikatnya.

Selain itu, beliau juga turut memasang impian agar jenama IDM terus berkembang di serata Malaysia suatu hari nanti.

“Sekarang ini kita hanya beroperasi di Lembah Klang saja. Itu pun sudah tidak menang tangan dibuatnya. Namun, saya mahukan nama kita lebih dikenali di semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

“Jadi, perancangan yang dilakukan haruslah lebih teliti. Doakan kejayaan kami,” luahnya.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai syarikat yang diusahakan, layari laman TikTok @ideas_master_home bagi mendapatkan info tentangnya

3

NASIHAT



CARI 'PUSH FACTOR'

"Saya percaya mereka di luar sana pasti ada alasan yang tersendiri untuk mulakan bisnes. Semua orang ada impian dan pastinya ada yang berbisnes untuk dapatkan kebebasan kewangan. Oleh itu, berusahalah ke arah tersebut dengan sebaiknya," katanya.

PERNIAGAAN PERLUKAN ILMU

"Semua orang boleh buat bisnes. Tapi, tak semua orang boleh teruskan perniagaan tanpa ilmu. Kalau nak berjaya dalam jangka masa panjang, kita tentu perlukan ilmu.

"Carilah saluran yang betul untuk dapatkannya. Jangan main langgar saja," tambahnya.

JANGAN PATAH SEMANGAT

"Walaupun saya pernah berhenti mengikuti program pementoran Spire sebelum ini, tetapi itu tidak pernah mematahkan semangat saya untuk terus belajar bersama RichWorks.

"Saya tak pernah ketinggalan untuk sertai semua program termasuklah Bina Bisnes Berjaya (BBB) dan Nak Ubah Hidup (NUH) hinggan saya sudah boleh hafal segala pergerakan Dr.Azizan.

"Meskipun saya sudah biasa dengan programnya, namun saya tidak pernah jemu untuk hadir kerana dari situlah datangnya segala tenaga yang saya perlukan.

"Kalau asyik berterusan berfikiran negatif, maka berhenti sajalah berbisnes. Kalau tidak kuat, bagaimana hendak berkembang?" ujarnya menutup bicara.

6 SEBAB STAF LARI TINGGALKAN ANDA!

Minggu lepas baru je ambil staf baru, hari ni dah hantar surat berhenti. Dengarnya, ada lagi staf yang nak letak jawatan. Ini bukan kali pertama, tapi hampir setiap bulan ada je staf yang nak berhenti.

Dalam pasaran kerja yang kompetitif hari ini, pengekalan staf sangat penting untuk sama-sama membawa perniagaan ke peringkat kejayaan. Kalau staf pun tak boleh nak kekalkan, macam mana pula nak *handle* perkara-perkara yang lain?

Banyak perniagaan hari ini menghadapi cabaran bagi mengekalkan staf mereka untuk jangka masa panjang. Kalau staf memang bermasalah, mudah lah nak lepaskan. Tapi bila berhadapan dengan staf yang cemerlang, rasa sakit bila nak kena tinggal ni.

KENAPA STAF TAK KEKAL?

1 GAJI DAN FAEDAH YANG RENDAH

Kita bekerja kerana duit dan bekerja keras untuk dapat duit lebih. Tipulah jika nak kata kita sanggup bekerja sukarela setiap masa. Mungkin ada segelintir yang bekerja untuk mengisi masa lapang, amal jariah atau sebagainya. Namun majoritinya adalah kerana duit.

Jika staf merasakan mereka tidak dibayar

secara adil atau setimpal dengan tugas yang diberikan, mereka lebih berkemungkinan akan mula mencari tempat lain yang lebih baik. Ini bukan tentang gaji sahaja, malah faedah-faedah lain seperti elaun, bayaran kerja lebih masa, cuti, bonus dan sebagainya.

2 PELUANG KERJA YANG LEBIH TINGGI

Kerja bertahun-tahun, tapi masih duduk di tahap yang sama. Jika tak ada peluang untuk memajukan diri dalam organisasi sekarang, lebih baik cari peluang di tempat lain yang boleh berikan peluang kerjaya yang lebih tinggi.

3 KERJA! KERJA! KERJA!

Sangat penting bagi setiap orang untuk mempunyai keseimbangan hidup serta kerja yang sihat. Kerja untuk hidup dan bukan hidup untuk kerja. Kalau kena kerja lebih masa tu tak ada masalah. Ini siang malam pagi petang kena bekerja sampai nak makan pun kena curi-curi masa. Nak mohon cuti apatah lagi, dah bergaduh baru dapat. Itu pun kalau bernasib baik.

Akhirnya mereka akan penat dan mula mencari peluang yang baru di tempat lain. Siapa yang rugi?

Jika tak boleh nak berikan 100% keseimbangan,

sekurang-kurangnya kurangkanlah bebanan staf anda. Tambah pekerja sesuai dengan tugas yang ada. Dan pastikan mereka diberi bayaran yang setimpal!

4 PERSEKITARAN KERJA YANG TOKSIK

Tak ada siapa yang nak bekerja di tempat yang mereka rasa tidak dihormati, dibuli atau diganggu serta tak diberi kebebasan untuk berkarya serta bersuara. Bahasa yang lebih mudah, persekitaran kerja yang toksik.

5 RASA TIDAK DIHARGAI

Siapa yang tak suka dihargai? Walaupun tidak berharap untuk diberi penghargaan, namun jauh di sudut hati pasti nak layanan yang sedikit istimewa bila dapat pencapaian yang membanggakan syarikat. Asyik dengar rakan-rakan dari syarikat lain dapat, tapi staf kita hanya mampu tengok dan dengar je tanpa dapat merasa.

6 DAH MULA RASA BOSAN

Staf dah mula rasa bosan dengan kerja hakiki. Asyik buat kerja sama je tanpa apa-apa peningkatan. Anda boleh pertimbangkan untuk menyediakan peluang kepada staf untuk mempelajari kemahiran dan menghadapi cabaran baharu.

Dengan menangani isu biasa ini, syarikat boleh mewujudkan persekitaran kerja di mana staf berasa penting, disokong serta dihargai. Ini akan membantu mengurangkan risiko staf berhenti.

CARA KURANGKAN RISIKO STAF BERHENTI

1 LUANGKAN MASA DENGAN STAF

Bercakap dengan staf anda dengan lebih kerap mengenai perkara yang mereka suka dan tidak suka tentang pekerjaan mereka. Ini akan membantu anda mengenal pasti sebarang masalah yang perlu ditambah baik sebelum menjadi lebih parah.

2 TAWARKAN GANJARAN YANG KOMPETITIF

Pastikan membayar staf anda secara adil dan menawarkan pakej faedah yang baik kepada mereka. Apalah sangat keluarkan modal untuk beri ganjaran kepada staf yang cemerlang jika nak dibandingkan dengan perlu kerap merekrut staf yang baru. Jangan risau, anda tak akan miskin dengan memberi di tempat yang betul.

Anda juga boleh berikan ganjaran dalam bentuk lisan seperti puji-pujian dan juga nasihat yang berguna kepada mereka.

3 CIPTA PERSEKITARAN KERJA YANG SERONOK DAN MENARIK

Cari cara untuk menjadikan kerja lebih menyeronokkan untuk pekerja anda. Ini termasukah seperti aktiviti *team building*, acara sosial atau mungkin dengan menyediakan ruang pejabat yang cantik dan selesa.

Sebagai majikan, anda perlu fikir apa yang menguntungkan atau merugikan syarikat di bawah naungan anda. Dengan mengambil langkah untuk menangani isu ini, anda boleh mencipta suasana kerja di mana staf ingin bersama-sama menaikkan jenama syarikat anda.

BUSINESS
COACHING

***YOUR 1ST MILLION
or RM10 MILLION***

B E R S A M A


**DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN**

21 FEBRUARI 2024 | RABU



Mohon di:

richworks.com/businesscoaching



E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE
TITAN

richworks.com/thetitan

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.